



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (72)

Tarikh: 5 September 2025

OPERASI PENGUATKUASAAN TERHADAP PAPARAN IKLAN TANPA KELULUSAN DI KM 32.9, LEBUHRAYA PERSEKUTUAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menerusi jabatan teknikal dalaman dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah melaksanakan satu operasi penguatkuasaan terhadap paparan iklan tanpa kelulusan di KM 32.9, Lebuhraya Persekutuan pada jam 11.30 malam, 5 September 2025.

Hasil siasatan mendapati syarikat pengiklanan telah memasang papan iklan bersaiz 30 kaki persegi x 120 kaki persegi tanpa lesen sah daripada Majlis sekali gus melanggar peruntukan **Undang-Undang Kecil Iklan (MBPJ) 2007** yang menyatakan:

“UUK 7 – Tiada seorang pun boleh mempamerkan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa melesen di bawah undang-undang kecil ini.”

Sehubungan itu, MBPJ telah mengeluarkan **Notis Arahan Penurunan Iklan Tanpa Lesen** bertarikh 29 Ogos 2025 kepada pihak terbabit serta menyita sebuah *genset* yang digunakan sebagai sumber alternatif bekalan elektrik selepas bekalan asal dipotong oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam operasi terdahulu pada 25 Ogos 2025. Notis tersebut turut mengarahkan agar iklan berkenaan diturunkan serta-merta bagi mengelakkan tindakan lanjut.

Namun, syarikat pengiklanan tersebut **ingkar mematuhi arahan notis berkenaan**. Justeru, MBPJ telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan dengan menurunkan iklan secara serta-merta selaras dengan peruntukan **UUK 21, Undang-Undang Kecil Iklan (MBPJ) 2007**.

Untuk rekod, MBPJ telah menerima permohonan lesen iklan daripada syarikat pengiklanan berkenaan pada **23 April 2025**. Hasil semakan mendapati permohonan tersebut tidak lengkap kerana tidak disertakan dengan kelulusan **Kebenaran Merancang (KM)** dan **Permit Struktur** sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

MBPJ menegaskan bahawa pihak Majlis tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang serta akan terus mempergiatkan operasi penguatkuasaan bagi memastikan setiap paparan iklan di bandar raya ini mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (73)

Tarikh: 8 September 2025

MBPJ TEGAS LAKSANA PENGUATKUASAAN KE ATAS IKLAN 'UNIPOLE' TANPA KELULUSAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menegaskan komitmen untuk tidak berkompromi terhadap pelanggaran syarat paparan iklan apabila bertindak melaksanakan **Operasi Penguatkuasaan Terhadap Paparan Iklan Tanpa Kelulusan** bersama **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** ke atas struktur papan iklan jenis *billboard* bersaiz **60 kaki persegi x 40 kaki persegi (2 muka)** terletak di **KM 34.2 (FT0002), Lebuhraya Persekutuan** menghala Shah Alam, hari ini.

Operasi yang bermula pada jam 11.30 malam itu mendapati papan iklan tersebut telah dipasang tanpa lesen yang sah. Terdahulu, satu mesyuarat bersama pihak TNB telah diadakan berhubung isu paparan iklan berkenaan yang dipengerusikan oleh **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya** pada **25 Ogos 2025**. Pada hari yang sama, operasi pemotongan bekalan elektrik ke atas struktur iklan terbabit telah dilaksanakan di bawah **Seksyen 25 (aa)(ii), Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)**.

Susulan itu, pada **26 Ogos 2025**, Jabatan Pelesenan, Pembangunan Perniagaan dan Usahawan MBPJ telah mengeluarkan **Notis Arahan Penurunan Paparan Iklan** kepada pemilik iklan di bawah **UUK 7 Undang-Undang Kecil Iklan MBPJ 2007** yang memperuntukkan bahawa:

"UUK 7 – Tiada seorang pun boleh mempamerkan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa melesen di bawah undang-undang kecil ini."

Seterusnya, pada **29 Ogos 2025**, MBPJ telah memanggil pihak pemilik iklan untuk menghadiri sesi perbincangan dan memberikan **tempoh satu (1) minggu**, iaitu sehingga **5 September 2025** bagi menurunkan paparan iklan sedia ada serta mengemukakan cadangan tapak baharu untuk pertimbangan pihak Majlis. MBPJ turut menetapkan bahawa tapak sedia ada tidak dibenarkan didirikan sebarang struktur iklan.

Kerajaan Negeri Selangor melalui **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-13/2025** bertarikh **30 April 2025** telah memutuskan untuk mengekalkan **keputusan MMKN Ke-40/2016** berhubung titah **DYMM Sultan Selangor** pada **6 Disember 2016** yang mengarahkan **pengalihan struktur papan iklan jenis billboard dan 'unipole' dalam jarak 500 meter dari Kota Darul Ehsan di kedua-dua arah Lebuhraya Persekutuan**, sekali gus menegaskan larangan pembinaan sebarang struktur iklan dalam radius tersebut dan bahawa kegagalan mematuhi arahan ini boleh mengakibatkan tindakan penguatkuasaan lanjut oleh pihak Majlis.



Datuk Bandar Petaling Jaya juga menegaskan bahawa MBPJ akan terus mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi ketetapan undang-undang kecil dan garis panduan berkaitan paparan iklan luaran.

“MBPJ tidak akan berkompromi dengan sebarang pelanggaran syarat yang boleh menjejaskan imej bandar raya dan keselamatan awam. Semua syarikat pengiklanan diwajibkan mematuhi ketetapan Majlis termasuk larangan pembinaan struktur iklan dalam radius 500 meter dari Pintu Gerbang Darul Ehsan tanpa sebarang pengecualian tindakan penguatkuasaan ini adalah bukti komitmen Majlis untuk memastikan pembangunan bandar raya ini sentiasa teratur, selamat dan mematuhi undang-undang,” katanya.

MBPJ kekal komited memastikan pematuhan terhadap peruntukan Undang-Undang Kecil serta menjaga kepentingan awam, keselamatan pengguna jalan raya dan keindahan estetika bandar raya Petaling Jaya. Sehubungan itu, MBPJ menasihatkan semua syarikat pengiklanan agar sentiasa mematuhi garis panduan dan mendapatkan kelulusan yang sah sebelum mendirikan dan memasang sebarang struktur iklan luaran bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dan implikasi undang-undang pada masa akan datang.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (74)

Tarikh: 9 September 2025

OPERASI PEROBOHAN BINAAN TANPA KEBENARAN DI JALAN PJU 1A/46, LEMBAH SUBANG

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melaksanakan satu operasi perobohan ke atas binaan tanpa kebenaran di sepanjang Jalan PJU 1A/46, Lembah Subang pada 20 Ogos 2025 (Rabu), bermula jam 9.30 pagi.

Operasi ini dijalankan bagi memberi laluan kepada projek menaiktaraf jalan oleh Prasarana Malaysia Berhad berdasarkan pelan yang telah diluluskan Majlis. Projek tersebut meliputi:

- i. Pelebaran jalan sepanjang 1.2 kilometer;
- ii. Pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung;
- iii. Penambahbaikan sistem perparitan dan lampu jalan.

Pihak kontraktor dijadualkan memulakan kerja-kerja menaiktaraf dalam tempoh dua (2) minggu selepas perobohan selesai dilaksanakan.

Sebelum tindakan diambil, beberapa notis telah dikeluarkan oleh pihak Majlis sejak tahun 2022, iaitu pada **14 September 2022, 6 November 2023, 23 Mei 2024, dan 1 Julai 2025**. Selain itu, MBPJ turut mengadakan **dua (2) sesi libat urus** bersama para peniaga pada **21 Mei 2025 dan 29 Julai 2025** bagi menjelaskan tujuan serta pelaksanaan projek ini.

Sebagai langkah penyelesaian, pihak Majlis telah menyediakan **tapak baharu di Lot 80979** (dalam kawasan pasar pagi dan pasar malam sedia ada) bagi menempatkan peniaga yang terlibat.

MBPJ ingin menegaskan komitmen untuk memastikan pembangunan infrastruktur yang lebih selesa dan selamat untuk penduduk serta pengguna jalan raya di kawasan ini, selaras dengan usaha meningkatkan kualiti hidup warga Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (75)

Tarikh: 9 September 2025

ISU PENYEWAAN KIOSK 217 DAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI JALAN 51/217, PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ingin memaklumkan berhubung status **Kiosk Majlis di Jalan 51/217, Seksyen 51** serta pelaksanaan projek menaiktaraf sistem perparitan di lokasi tersebut.

1. Latar Belakang

Kiosk Majlis di Jalan 51/217 terdiri daripada **20 unit**, dengan **17 unit telah disewa** oleh peniaga tempatan. Kadar sewaan ditetapkan sebanyak **RM30 sebulan**, bagi tempoh **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2026**.

Walau bagaimanapun, hasil mesyuarat teknikal dan siasatan lapangan, didapati kiosk tersebut berada di atas jajaran longkang utama yang kritikal untuk kerja-kerja menaiktaraf sistem perparitan. Projek ini dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir berulang di kawasan berkenaan sebagaimana telah diputuskan oleh **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pencegahan Geobencana pada 4 September 2024**.

2. Libat Urus Bersama Penyewa

Bagi memastikan kebajikan peniaga tidak terjejas, MBPJ telah mengadakan beberapa **sesi libat urus**, antaranya pada **18 Julai 2025** yang dihadiri oleh 15 daripada 17 penyewa. Dalam sesi tersebut, penyewa telah dimaklumkan bahawa:

- Kerja-kerja menaiktaraf sistem perparitan akan bermula pada September 2025.**
- Semua kiosk 217 akan dirobohkan bagi memberi laluan kepada projek tersebut.**
- Penyewa ditawarkan untuk berpindah ke premis Majlis lain yang masih kosong.**
- Tapak perlu dikosongkan pada atau sebelum 1 September 2025.**

3. Insentif Kepada Penyewa

Bagi meringankan beban penyewa, Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Usahawan dan Transformasi Gerai & Pasar pada 13 Ogos 2025 telah meluluskan **pengecualian bayaran sewa selama tiga (3) bulan**, iaitu dari **September hingga November 2025**, kepada penyewa yang bersetuju berpindah.

4. Perpindahan Penyewa

Pada **20 Ogos 2025**, sesi temu duga sebagai formaliti bagi proses penyewaan dan tawaran sewaan di lokasi baharu telah diadakan. Seramai 14 orang penyewa telah hadir, manakala seorang penyewa telah memutuskan untuk menyerahkan kembali petak sewaan dan dua (2) penyewa tidak memberi maklum balas walaupun telah diberikan surat peringatan.(Notis Makluman Penyewaan bukan Surat Peringatan)

Seterusnya, pada 27 Ogos 2025, satu sesi serahan Surat Tawaran Penyewaan dan menandatangani dokumen perjanjian (penyewaan) telah disempurnakan. Penyewa yang terlibat diminta berpindah masuk ke premis baharu pada atau sebelum 8 September 2025. Tempoh sewaan adalah mulai 1 September 2025 hingga 31 Disember 2026

MBPJ memahami kebimbangan para penyewa berhubung perpindahan ini. Namun, keputusan untuk merobohkan Kiosk 217 dibuat selepas penelitian teknikal dan libat urus yang teliti, demi menyelesaikan masalah banjir yang sering berlaku di kawasan tersebut. Pada masa sama, kebajikan penyewa sentiasa menjadi keutamaan dengan penyediaan premis alternatif serta pemberian pengecualian sewa selama tiga (3) bulan bagi meringankan beban mereka.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (76)

Tarikh: 10 September 2025

MBPJ GEMPUR IKLAN HARAM, TEGAS KUAT KUASAKAN UNDANG-UNDANG

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memandang serius dan tidak akan berkompromi terhadap sebarang tindakan pemasangan paparan iklan tanpa kelulusan sah daripada pihak berkuasa tempatan. Tindakan sedemikian bukan sahaja melanggar undang-undang, malah menjejaskan imej bandar raya serta mengundang risiko keselamatan awam.

Sebagai langkah tegas, MBPJ dengan kerjasama strategik **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** telah melaksanakan **Operasi Penguatkuasaan Terhadap Paparan Iklan Tanpa Kelulusan**.

Operasi yang bermula sekitar **jam 10.30 malam** itu menumpukan struktur papan iklan jenis *Pillarwrap* bersaiz 10' x 15' (40 muka) serta iklan *gantri* digital bersaiz 30' x 85' (2 muka) yang terletak di **KM 16.40 – 16.60, Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) – Jambatan Kabel** dan **KM 19.8 (FT0002), Lebuhraya Persekutuan**. Hasil pemeriksaan mendapati struktur iklan berkenaan dipasang tanpa lesen sah daripada Majlis, walaupun notis amaran dan tempoh masa mencukupi telah diberikan kepada pihak syarikat.

Kronologi Tindakan MBPJ:

- i. 18 September 2024: Notis pertama dikeluarkan dengan tempoh tujuh (7) hari.
- ii. 30 September 2024: Maklum balas diterima melalui e-mel. Syarikat mendakwa tiada keperluan untuk mendapatkan lesen MBPJ bagi iklan digital.
- iii. 6 Januari 2025: Notis kedua dikeluarkan dengan tempoh tiga (3) hari.
- iv. 20 & 21 Mei 2025: Permohonan lesen baharu dikemukakan namun ditolak kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

Memandangkan syarikat terbabit masih ingkar dan gagal mematuhi peraturan, tindakan penguatkuasaan dilaksanakan sebagai amaran keras kepada semua pengiklan bahawa MBPJ tidak akan bertolak ansur terhadap pelanggaran undang-undang. Sebagai langkah lanjut, tanda amaran turut dipasang pada struktur iklan terbabit sebagai peringatan bahawa sebarang pemasangan tanpa lesen tidak akan dilindungi oleh undang-undang.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.instagram.com/pjcitycouncil)

MBPJ menegaskan bahawa setiap pengiklan dan syarikat wajib mendapatkan kelulusan dan lesen sah sebelum memaparkan sebarang bentuk iklan di kawasan pentadbiran MBPJ. Mana-mana pihak yang ingkar akan dikenakan tindakan tegas tanpa kompromi, selaras dengan **UUK 7 Undang-Undang Kecil Iklan (MBPJ) 2007**.

Langkah ini diambil demi menjamin keselamatan awam, memastikan penguatkuasaan undang-undang yang adil dan menyeluruh serta mengawal pembangunan bandar secara teratur dan berintegriti. MBPJ akan terus komited dalam memastikan undang-undang dipatuhi dan tindakan tegas akan terus diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan atau beroperasi secara tidak sah.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (77)

Tarikh: 17 September 2025

PETALING JAYA JADI PENUTUP SIRI JELAJAH PROMOSI PIALA SULTAN SELANGOR 2025, MBPJ SUMBANG RM57,000

Siri jelajah promosi dan penyerahan tiket kejohanan bola sepak berprestij, **Piala Sultan Selangor atau The Sultan of Selangor's Cup (TSSC) 2025**, diteruskan hari ini di Dewan Banquet, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), menjadikan Petaling Jaya sebagai lokasi terakhir selepas Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) pada 9 September lalu.

Kejohanan yang memasuki edisi ke-21 ini bakal berlangsung pada **27 September 2025 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur**, dengan menampilkan dua perlawanan utama iaitu **Veteran Selangor menentang Veteran Singapura** serta perlawanan tumpuan **Pilihan Selangor berdepan Pilihan Singapura**.

Pada majlis ini, **YBhg. Tan Sri Abd. Karim bin Munisar, Pengerusi dan Pengurus Pasukan TSSC**, menyerahkan tiket perlawanan dan t-shirt rasmi kejohanan kepada **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**.

Sebagai tanda sokongan padu terhadap kejohanan bersejarah ini, **MBPJ menyumbang RM50,000 bagi pembelian tiket perlawanan dan RM7,000 bagi pembelian t-shirt**, selain menyediakan **dua (2) buah bas** khas untuk membawa warga kerja MBPJ menyaksikan aksi penuh sejarah ini.

“Sumbangan ini mencerminkan komitmen MBPJ dalam mendukung pembangunan sukan, memperkukuh semangat kesukanan dalam kalangan warga kerja serta masyarakat Petaling Jaya. Kami berbangga menjadi sebahagian daripada kejohanan bersejarah ini, apatah lagi apabila MBPJ dipilih sebagai salah satu lokasi rasmi siri jelajah promosi TSSC 2025,” kata Datuk Bandar Petaling Jaya.

Menambahkan lagi kehangatan, MBPJ turut menampilkan **barisan pemain legenda yang pernah mengharumkan nama pasukan MPPJ FC**, antaranya **Liw Kit Kong, Mohd Nizaruddin Yusof, Shahril Arshad, Asmawi Bakiri, Reduan Abdullah dan Dato' Dollah Salleh**. Turut hadir menyerikan majlis ialah **pemain Selangor FC**. Kehadiran mereka nyata menyuntik aura kebanggaan dan semangat luar biasa kepada para peminat bola sepak. Selain itu, sesi jualan tiket dan t-shirt rasmi kejohanan turut diadakan khusus buat warga kerja MBPJ yang berminat.

Sejak diperkenalkan lebih dua dekad lalu, **Pilihan Selangor telah menjuarai TSSC sebanyak 10 kali** (2001, 2003, 2005, 2008, 2012, 2013, 2014, 2018, 2019 dan 2024). Sementara itu, **Pilihan Singapura meraih 7 gelaran** (2006, 2007, 2009, 2010, 2011, 2016 dan 2017), manakala pada tahun 2004 kedua-dua pasukan diisytihar juara bersama.



Selain mengimbau nostalgia era kegemilangan bola sepak tanah air sekitar 1970-an, kejohanan ini terus menjadi acara tahunan yang paling dinanti-nantikan peminat setia. TSSC 2025 bukan sekadar sebuah perlawanan, tetapi simbol kebanggaan, penyatuan dan semangat kesukanan yang merentasi generasi. Dengan sorakan kira-kir 20,000 penyokong yang bakal menggamatkan Stadium Merdeka, edisi kali ini diyakini akan terpahat sebagai satu lagi detik bersejarah dalam kalendar bola sepak negara.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (78)

Tarikh: 17 September 2025

MBPJ KUKUH JALINAN ANTARABANGSA MELALUI MALAM KEBUDAYAAN PJIYLC 2025

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan **PJ International Youth Leadership Camp (PJIYLC) 2025 Cultural Night** yang berlangsung penuh meriah dan warna-warni bertempat di **Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya**, hari ini.

Acara kemuncak ini menghimpunkan **120 peserta** berusia 14 hingga 17 tahun dari enam (6) bandar persahabatan Petaling Jaya iaitu **Bandung (Indonesia), Qingyuan (China), Miyoshi (Jepun), Asan (Korea Selatan), Seongbuk-Gu (Korea Selatan), Hulu Selangor (Malaysia)** serta pelajar tempatan dari **Petaling Jaya**.

Para peserta mempersembahkan pelbagai tarian dan persembahan kebudayaan yang mencerminkan keunikan seni tradisi negara masing-masing, sekali gus menyerlahkan semangat persahabatan, pertukaran budaya serta keharmonian merentas sempadan.

Majlis disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya**. Turut hadir ialah Puan TPr. Hjh. Mazrina binti Dato' Abdul Khalid, Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

Dalam ucapannya, Timbalan Datuk Bandar menegaskan bahawa *Cultural Night* berperanan sebagai platform penting untuk memperkukuh hubungan budaya serta memperluas jaringan kerjasama antarabangsa MBPJ.

"PJIYLC 2025 bukan sahaja mengasah kepimpinan dan kefahaman tentang kelestarian, malah memperkayakan jiwa peserta dengan pengalaman budaya yang penuh makna. Pertukaran ini membentuk belia yang lebih terbuka, berfikiran global dan menghargai kepelbagaian," katanya.

Beliau turut menekankan bahawa pengalaman ini mampu memperkukuh jati diri peserta, memupuk kerja berpasukan serta menanam rasa hormat terhadap kepelbagaian masyarakat dunia.

PJIYLC 2025 merupakan inisiatif penting di bawah kerjasama Bandar Persahabatan MBPJ serta sebahagian daripada **Pelan Tindakan Bandar Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya 2030**, selaras dengan komitmen MBPJ terhadap **Child Friendly Cities Initiative (CFCI)**.

Majlis *Cultural Night* merupakan antara pengisian utama program tujuh (7) hari PJIYLC 2025 yang turut merangkumi aktiviti kepimpinan, pendedahan terhadap isu perubahan iklim, pertanian bandar, lawatan pendidikan ke Kuala Lumpur serta pengalaman budaya tempatan.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)

MBPJ yakin pengalaman yang diperoleh akan memberi inspirasi kepada para peserta untuk terus menjadi duta belia, agen perubahan serta pemimpin yang membawa mesej keamanan, kelestarian dan keharmonian di peringkat global.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](#),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بڼداراي ڦتالڱ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (79)

Tarikh: 27 September 2025

MBPJ LANCAR PROGRAM PEMBERSIHAN MEGA SELURUH NEGARA JAYA SEMPENA WORLD CLEAN UP DAY 2025 PERINGKAT PETALING

Semangat kebersamaan mewarnai Petaling Jaya apabila lebih 400 peserta menyertai **Program Pembersihan Mega Seluruh Negara Sempena World Clean Up Day 2025 Peringkat Petaling Jaya** yang berlangsung di **Sungai Kayu Ara Retention Pond, Kampung Chempaka, PJU 1**, hari ini.

Program anjuran **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** ini diadakan selaras dengan seruan **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** yang menetapkan setiap Sabtu terakhir September sebagai Hari Cuci Malaysia, sebuah inisiatif kebangsaan mengangkat agenda kebersihan dan kelestarian.

Majlis perasmian disempurnakan oleh **YB Puan Jamaliah binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor**. Turut hadir, YM Tengku Dato' Dr. Hishammuddin Zaizi bin YAM Tengku Bendahara Azman Shah Alhaj, Penaung *Ocean Hero Conservation*; YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya; YBrs. Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya serta Pn. Maimunah binti Abu Hassa Ashaari, Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Petaling.

Lebih istimewa, sambutan tahun ini turut diraikan serentak dengan **Hari Sungai Sedunia**, bersama sokongan padu Ahli Majlis kawasan, agensi kerajaan serta komuniti setempat. MBPJ turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Petaling dan Jabatan Perikanan Negeri Selangor atas sokongan berterusan termasuk sumbangan 300 ekor anak ikan lampam sungai tempatan yang dilepaskan ke dalam kolam tadahan sebagai simbol pemuliharaan dan pemulihan ekosistem sungai.

Dalam ucapannya, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor menegaskan bahawa Hari Cuci Malaysia bukan sahaja memperkukuh semangat kesukarelawanan, malah menjadi wahana penting menzahirkan nilai Malaysia MADANI.

"Melalui platform ini, kita mahu membina komuniti prihatin yang berganding bahu menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Usaha ini bukan sahaja untuk kesejahteraan hari ini, tetapi juga demi generasi akan datang mewarisi sebuah bandar raya yang lebih bersih, sihat dan lestari," katanya.

Seiring aspirasi KPKT yang menyasarkan dua rekod baharu dalam The Malaysian Book of Records (MBOR) iaitu penyertaan gotong-royong teramai dan pengumpulan minyak masak terpakai terbanyak, MBPJ turut melaksanakan **Program Drop-Off Minyak Masak Terpakai**. Setiap satu (1) kilogram minyak masak terpakai dibeli pada harga RM2.50, sekali gus menjadikan sisa dapur sebagai sumber pendapatan baharu.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Pelaksanaan program ini berlangsung serentak di enam (6) lokasi lain sekitar Petaling Jaya iaitu PPR Lembah Subang 1, SS26, Flat Desa Perangsang PJS 3, Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya, Masjid Kota Damansara dan Surau Al-Kauthar SS5C/4.

Keseluruhannya, lebih 400 peserta berganding tenaga melaksanakan aktiviti gotong-royong, *plogging*, pembersihan sungai serta pendidikan kesedaran awam. MBPJ menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan program ini, termasuk agensi kerajaan, NGO, institusi pendidikan, sektor swasta serta komuniti setempat.

MBPJ menyeru agar budaya menjaga kebersihan tidak hanya terhenti pada sambutan Hari Cuci Malaysia, tetapi terus diamalkan dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan bersama dan kelestarian generasi akan datang.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتالغ جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (80)

Tarikh: 30 September 2025

MBPJ SEDIA RANCANGAN KAWASAN KHAS SEKSYEN 19, 51 DAN 51A, PERKUKUH PERANAN PJ SEBAGAI HAB PELABURAN DAN EKONOMI SELANGOR

Petaling Jaya bakal muncul sebagai hab ekonomi strategik berteraskan industri berteknologi tinggi dan semikonduktor apabila Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memperkenalkan **Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 19, 51 dan 51A** dengan **nilai pembangunan kasar (GDV)** melebihi **RM1.7 bilion**.

Sidang media yang berlangsung di **Bilik Gerakan, Ibu Pejabat MBPJ** hari ini adalah sempena pelaksanaan **Program Publisiti dan Penyertaan Awam** bagi **Draf RKK** yang bermula pada **26 September hingga 27 Oktober 2025** di bawah peruntukan **Seksyen 13, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**.

Sebelum ini, MBPJ telah melaksanakan **Program Publisiti Awal** di bawah **Seksyen 12A, Akta 172** selama empat minggu bermula pada **30 April 2024 hingga 30 Mei 2024**, dan menerima sebanyak **56 borang maklum balas** daripada orang awam, agensi kerajaan, komuniti serta pihak berkepentingan. Antara isu yang dikemukakan termasuk pengezonan semula guna tanah, menaik taraf jalan dan persimpangan, kawalan pembangunan dan garis panduan serta pandangan terhadap *Local Agenda 21*, penyediaan *Smart Tunnel*, konsep *Privately Own Public Space (POPS)*, Kawasan Lapang dan lain-lain.

LATAR BELAKANG RKK SEKSYEN 19, 51 DAN 51A

Draf RKK ini disediakan secara terperinci berasaskan lot (*lot-based*) yang merangkumi aspek guna tanah, lalu lintas, pengangkutan awam, kemudahan masyarakat, kawasan hijau serta perancangan pembangunan menyeluruh selaras dengan hala tuju Pintar, Mampan dan Berdaya tahan.

Kawasan kajian meliputi **406 hektar (4.06 km² / 1,003 ekar)** yang merangkumi **Seksyen 19, 51 dan 51A** dengan jumlah penduduk seramai **24,105 orang**. **Seksyen 19** didominasi oleh **aktiviti komersial**, manakala **Seksyen 51 dan 51A** lebih tertumpu kepada **sektor perindustrian**.

Antara cadangan utama Draf RKK ialah:

- Mengekalkan Seksyen 19, 51 & 51A sebagai **Pusat Pertumbuhan Ekonomi Utama Selangor**, dengan fokus kepada industri berteknologi tinggi dan semikonduktor.
- **Pengezonan semula guna tanah** bagi pelbagai kegunaan termasuk perdagangan, institusi kerajaan, pembangunan bercampur dan institusi keagamaan.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

- Penetapan **intensiti pembangunan** dengan nisbah plot khusus mengikut zon guna tanah dan keluasan tanah.
- Menerapkan **Konsep *Privately Owned Public Space (POPS)*** iaitu penyediaan ruang awam milik persendirian yang boleh diakses oleh orang ramai tetapi di miliki, dibangunkan dan diselenggara oleh pihak swasta dengan menawarkan insentif tambahan nisbah plot.
- **Cadangan perumahan di Zon Transit Oriented Development (TOD)** di Stesen KTM Taman Dato' Harun Seksyen 51 Petaling Jaya dan cadangan pembangunan bercampur di Stesen LRT Asia Jaya Seksyen 51A Petaling Jaya.
- **Penambahbaikan mobiliti** melalui jalan baharu, *underpass*, *directional ramp* dan koridor hijau untuk pejalan kaki, basikal serta mikromobiliti.
- **Penyediaan komponen bandar pintar (Smart City)**, *Smart Street Poles*, WiFi awam berkelajuan tinggi.

Pewartaan RKK ini dijangka akan memacu ekonomi Petaling Jaya dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1.76 bilion, di samping menjana hasil tambahan melalui **caj pemajuan, cukai taksiran dan fi Kebenaran Merancang**.

Menurut **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya** dalam ucapannya menegaskan bahawa penyediaan Draf RKK Seksyen 19, 51 dan 51A merupakan inisiatif perancangan strategik yang amat penting bagi MBPJ dalam merangka hala tuju pembangunan bandar raya secara komprehensif. Beliau menekankan bahawa pelaksanaan RKK ini bukan sahaja memacu pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan, malah turut memberi penekanan terhadap kesejahteraan masyarakat setempat serta kelestarian alam sekitar.

“Penyediaan Draf RKK Seksyen 19, 51 dan 51A ini merupakan satu Rancangan Pemajuan bagi kawasan tersebut bertujuan untuk memperkukuh kedudukannya sebagai sebuah Pusat Pertumbuhan Ekonomi yang berdaya saing. MBPJ komited memastikan pembangunan yang dirancang bukan sahaja memberi manfaat kepada pelabur dan sektor industri, malah turut meningkatkan kualiti hidup penduduk serta kelestarian alam sekitar. Justeru, saya menyeru komuniti, pemilik tanah dan agensi berkepentingan untuk bersama-sama memberikan pandangan sepanjang tempoh publisiti ini agar setiap keputusan yang dibuat lebih menyeluruh, telus dan inklusif,” katanya.

MBPJ sentiasa mengamalkan prinsip keterbukaan dan ketelusan dalam setiap perancangan pembangunan. Sehubungan itu, semua pihak dijemput menghadiri Pameran Draf RKK Seksyen 19, 51 dan 51A yang akan berlangsung selama sebulan di Lobi Ibu Pejabat MBPJ, orang awam juga boleh mengemukakan maklum balas secara rasmi kepada MBPJ. Selain itu, satu taklimat berkaitan akan diadakan pada **16 Oktober 2025** bertempat di **Bilik Gerakan, Tingkat 1, Ibu Pejabat MBPJ, jam 2.30 petang**.

Dengan pewartaan RKK ini, Petaling Jaya akan lebih berkembang yang menjadi mercu tanda ekonomi Selangor serta destinasi pilihan pelabur.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695